

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **YB SENATOR PUAN NORAINI BINTI IDRIS**

**TARIKH** : **29 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Noraini binti Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bentuk libat urus yang telah diadakan oleh pihak Kementerian bagi mempertahankan hak perundangan terhadap mangsa rogol iaitu seorang gadis berusia lima belas tahun yang didakwa di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan atas tuduhan membunuh bayi kandungnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) selaku pihak yang bertanggungjawab dalam memberikan perlindungan dan pemeliharaan kepada kanak-kanak sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam **Akta Kanak-Kanak 2001**.

KPWKM telah mengikuti rapat perkembangan kes ini dan tindakan serta merta telah pun diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan **menyantuni kanak-kanak tersebut melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Hospital dan juga keluarga seawal pada 8 Februari 2022**.

Kanak-kanak telah diberikan **intervensi yang bersesuaian secara holistik menggunakan pendekatan psikososial**. Dalam hal ini juga, **ibu kanak-kanak tersebut juga telah diberikan kaunseling dan intervensi awal** bagi memastikan kestabilan emosi keluarga dalam menghadapi situasi mencabar ini. Sepanjang berada di dalam tahanan polis sama ada di lokap atau hospital, **JKM melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah juga telah membuat lawatan dan menyalurkan bantuan bersesuaian termasuklah perkhidmatan psikologi**.

Perbincangan antara pihak **JKM dan PDRM juga telah membawa kepada penempatan kanak-kanak di Institusi JKM** yang diwartakan sebagai tempat tahanan yang bersesuaian untuk kanak-kanak berbanding penempatan di tempat tahanan sementara. **Kanak-kanak ditempatkan di bilik khas yang berdekatan dengan petugas untuk pemantauan 24 jam**.

Kanak-kanak diberikan menu khas dalam pantang. PKD terdekat juga memberikan kerjasama dengan bersetuju hadir ke institusi bagi memantau keadaan kesihatan kanak-kanak. Manakala segi emosi, kanak-kanak turut mendapat sokongan daripada Pegawai Psikologi. JKM juga sentiasa **peka terhadap isu berkaitan kekeluargaan dan tidak menghalang ibu daripada berjumpa dengan anak**. Kanak-kanak juga

**SOALAN NO. : 21**

dibenarkan untuk membuat panggilan telefon dan bercakap dengan ibu. Kanak-kanak juga diberikan akses untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan semasa berada dalam jagaan JKM.

Bagi memastikan proses perbicaraan dapat berjalan dengan adil berdasarkan perundangan sedia ada di negara ini, pihak **KPWKM memberikan fokus kepada kestabilan emosi, kebajikan dan kesejahteraan demi kelangsungan hidup kanak-kanak.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK DR. DOMINIC LAU  
HOE CHAI**

**TARIKH : 29 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- (a) Apakah pelan tindakan Kementerian dalam mengenal-pasti kanak-kanak tanpa dokumen yang ditinggalkan oleh para ibu bapa di rumah kebajikan atau bersama dengan penjaga. Mohon penjelasan, bantuan Kementerian terutamanya dalam mendapatkan dokumen sah seperti sijil kelahiran dan kewarganegaraan; dan
- (b) Jumlah kanak-kanak tanpa dokumen sah (secara terperinci) yang berada di bawah jagaan dan seliaan Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dan sentiasa memastikan kebajikan penghuni institusi JKJ termasuklah kanak-kanak yang berhadapan isu dokumentasi diri seperti kewarganegaraan/ sijil lahir.

Antara bentuk bantuan yang diusahakan oleh Kementerian melalui JKJ dalam perkara ini adalah seperti berikut:

- (i) Menguruskan permohonan Daftar Lewat Kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi kanak-kanak yang ditinggalkan yang masih belum memperolehi Sijil Kelahiran.
- (ii) Menguruskan permohonan kewarganegaraan kanak-kanak yang masih belum ditentukan kewarganegaraan dengan memanjangkan permohonan kepada JPN dari masa ke semasa apabila ada kemasukan kes-kes yang melibatkan pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak.
- (iii) Bagi kanak-kanak yang telah diserahkan kepada keluarga pelihara atau keluarga angkat, permohonan kewarganegaraan boleh dibuat oleh penjaga mereka di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan (Pendaftaran Kewarganegaraan Dalam Keadaan Khas).
- (iv) Mengadakan perjumpaan interagensi dengan JPN, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi membincangkan isu-isu mengenai dokumentasi, kewarganegaraan, pendidikan kanak-kanak di institusi JKJ.

Berdasarkan statistik sehingga 31 Disember 2021, JKJ memberi penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada 1,726 kanak-kanak di 38 buah institusi kendalian JKJ. Seramai 155 orang kanak-kanak di Institusi

**SOALAN NO. : 25**

Kanak-Kanak JKM masih berhadapan dengan isu dokumentasi diri yang melibatkan 73 orang kanak-kanak perempuan dan 82 orang kanak-kanak lelaki. Daripada jumlah tersebut:

- (i) 37 orang berstatus “bukan warganegara”;
- (ii) 28 orang kanak-kanak berstatus warganegara “belum ditentukan”;  
dan
- (iii) 90 orang masih belum memiliki sijil kelahiran.

Untuk makluman, penetapan status taraf kewarganegaraan/ sijil lahir ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui permohonan yang dikemukakan oleh JKM.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **YB SENATOR DATO' JUHANIS BINTI  
ABD AZIZ**

**TARIKH** : **29 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan peti pelindung bayi (*Baby Hatch*) berjaya mengurangkan kes pembuangan bayi dan sama ada anak yang ditinggalkan tanpa dokumen didaftar sebagai warganegara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sememangnya mengambil berat terhadap semua isu perlindungan kanak-kanak termasuk kes pembuangan bayi khususnya dalam memastikan bahawa setiap bayi atau kanak-kanak yang terdampar atau terbuang mendapat pemeliharaan serta perlindungan yang sewajarnya.

Bagi menangani isu pembuangan bayi, Kementerian mempunyai beberapa langkah bagi menangani isu ini. Salah satu daripada langkah tersebut adalah melalui *Baby Hatch* yang mana ianya merupakan suatu perkhidmatan sokongan yang disediakan melalui kerjasama Kementerian ini dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-Anak Yatim Kuala Lumpur (OrphanCARE). Menerusi perkhidmatan ini, bayi yang diletakkan dalam *Baby Hatch* akan diserahkan kepada OrphanCare sebelum bayi itu ditempatkan bersama keluarga angkat atau Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sehingga Februari 2022, bilangan *Baby Hatch* adalah sebanyak sebelas (11) buah iaitu, lapan (8) buah di hospital KPJ dan tiga (3) buah di NGO kendalian OprhanCare. Statistik bayi yang diselamatkan melalui *Baby Hatch* ialah:

- (i) Tahun 2019 seramai 8 orang;
- (ii) Tahun 2020 seramai 9 orang;
- (iii) Tahun 2021 seramai 4 orang; dan
- (iv) Sehingga Februari 2022 seramai 1 orang.

Selain daripada perkhidmatan *Baby Hatch*, Kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya turut melaksanakan pelbagai usaha untuk membendung masalah pembuangan bayi yang berlaku pada hari ini. Antara usaha-usaha yang dijalankan bagi menangani masalah pembuangan bayi adalah :



## SOALAN NO. : 50

- i) Menyediakan Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah. Terdapat empat (4) buah institusi kendalian JKM disediakan untuk kanak-kanak hamil luar nikah berusia di bawah 18 tahun dan tiga (3) buah institusi untuk wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas. Wanita dan keluarga kanak-kanak yang hamil luar nikah dan memerlukan perlindungan boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara.
- ii) Perkhidmatan khidmat nasihat dan kaunseling kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah (terutamanya mangsa rogol) turut disediakan untuk membantu kanak-kanak dan ahli keluarga yang traumatik.
- iii) Selain itu, KPWKM menerusi LPPKN turut mengambil langkah-langkah dalam usaha mencegah peningkatan isu kehamilan luar nikah di kalangan remaja bawah umur melalui pelaksanaan program-program di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan seperti berikut:
  - a) PEKERTI@Sekolah
  - b) PEKERTI@KOMUNITI
  - c) Pusat Remaja Kafe@TEEN
- v) Kementerian melalui JKM turut menjalankan kerjasama strategik seperti kempen, seminar, webinar dan forum melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi menerusi 133 Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak dan 140 Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak di seluruh negara bagi pelaksanaan perkhidmatan intervensi dan perlindungan kanak-kanak.

## SOALAN NO. : 50

Sekiranya kanak-kanak yang ditinggalkan tanpa dokumen dan kanak-kanak tersebut ditempatkan di institusi, JKM akan membantu:

- (i) Menguruskan permohonan Daftar Lewat Kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi kanak-kanak yang ditinggalkan yang masih belum memperolehi Sijil Kelahiran.
- (ii) Menguruskan permohonan kewarganegaraan kanak-kanak yang masih belum ditentukan kewarganegaraan dengan memanjangkan permohonan kepada JPN dari semasa ke semasa apabila ada kemasukan kes-kes yang melibatkan pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak.

Manakala bagi kanak-kanak yang ditinggalkan tanpa dokumen dan telah diserahkan kepada keluarga pelihara atau keluarga angkat, permohonan kewarganegaraan boleh dibuat oleh penjaga mereka di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan (Pendaftaran Kewarganegaraan Dalam Keadaan Khas).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' NELSON A/L  
RENGANATHAN**

**TARIKH : 29 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah terdapat sebarang insentif atau bantuan kewangan yang disediakan untuk golongan B40 yang terpaksa menempatkan tanggungan mereka di kemudahan penjagaan warga emas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara khusus, Kementerian tidak mempunyai insentif dan bantuan kewangan kepada golongan B40 yang terpaksa menempatkan tanggungan mereka di kemudahan penjagaan warga emas. Walau bagaimanapun, bagi memastikan agar warga emas kekal menjalani kehidupan dalam persekitaran keluarga atau menua setempat (*ageing-in-place*), KPWKM melalui JKM juga menyediakan bantuan kewangan bagi meringankan beban warga emas dengan menyediakan skim bantuan seperti berikut:

1. Skim Bantuan Warga Emas (BWE) yang bertujuan memastikan warga emas dapat meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti. Mulai Januari 2021, kadar skim bantuan ini telah dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang. Seramai 138,446 warga emas telah mendapat manfaat ini dengan kos RM831.5 juta sepanjang tahun 2021.
2. Skim Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT) yang bertujuan meringankan bebanan keluarga/penjaga dan menggalakkan keluarga/penjaga untuk menjaga ahli keluarga yang sakit terlantar. Penjaga kepada pesakit layak menerima bantuan BPT pada kadar RM500 sebulan. Rekod penerima BPT dari Januari hingga Disember 2021 adalah seramai 25,800 orang dengan peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM161,239,314 juta.

Kementerian juga turut menyediakan perkhidmatan penjagaan institusi kepada warga emas yang kurang berkemampuan terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu pusat jagaan di bawah kendalian Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Institusi Kebajikan di bawah kendalian Kerajaan.

Kementerian melihat NGO atau dikenali sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) sebagai rakan strategik yang melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar

## SOALAN NO. 79

umbi. Sebagai sokongan kepada usaha melengkapikan dan memperluaskan perkhidmatan kebajikan dan kemudahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan, Kementerian telah menyediakan bantuan kewangan Geran kepada PSK bagi menampung perbelanjaan kos makan dan minum (geran rangsum) penghuni yang tinggal berkediaman di pusat penjagaan warga emas kendalian PSK. Pada tahun 2021, JKM telah menyalurkan geran rangsum kepada 22 buah PSK warga emas dengan peruntukan sebanyak RM1.68 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menyediakan kemudahan institusi bagi warga emas iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE).

Terdapat sepuluh (10) buah RSK di seluruh Malaysia di mana dua (2) buah daripadanya sedang dalam pembinaan naik taraf bangunan. Sehingga Januari 2022, seramai 1,091 warga emas yang masih boleh menguruskan diri telah ditempatkan di RSK. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM33.6 juta bagi pengoperasian RSK bagi tahun 2021 meliputi kos pengoperasian dan wang saku kepada penghuni.

Terdapat dua (2) buah RE di seluruh Malaysia disediakan untuk warga emas daif yang sakit, uzur dan terlantar. Penghuni RE diberi penjagaan, rawatan dan perlindungan mengikut keperluan mereka. Sehingga Januari 2022, seramai 255 warga emas yang mendapatkan perkhidmatan di RE. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM8.3 juta bagi pengoperasian RE bagi tahun 2021 meliputi kos pengoperasian dan wang saku kepada penghuni.

Sekian, terima kasih.